



## **Persiapan menghadapi bencana:**

Lindungi kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan semasa bencana.


INTERNATIONAL



FEDERATION

[www.ifrc.org](http://www.ifrc.org)

Saving lives, changing minds.



Amaran kepada orang ramai - ribut yang kuat akan melanda berhampiran sekolah rendah. Sila ambil langkah berhati-hati dan pergi ke tempat selamat yang terdekat.


Ahmad dan Linda, anda berdua harus sentiasa memberi perhatian kepada pengumuman-pengumuman yang penting. Semua orang ingin memastikan yang kamu berdua berada dalam keadaan selamat. Pengumuman-pengumuman tersebut boleh membantu kita untuk mempelajari apakah langkah-langkah yang kita boleh ambil untuk berada didalam keadaan yang selamat.

Tetapi kami selamat dengan Ibu.

Ada kalanya, ibu tidak akan berada disamping kamu apabila malapetaka melanda. Itulah sebabnya ia adalah penting untuk kita mempunyai rancangan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil sekiranya ia berlaku.



Orang dewasa akan sentiasa berada di mana-mana untuk memberi bantuan!



Sebagai peringatan, ia adalah tidak selamat untuk menghampiri seseorang yang tidak kamu kenali. Kamu patut sentiasa mencari pegawai polis, doktor, jururawat, pembantu kecemasan dengan lambang Palang Merah / Bulan Sabit Merah, guru ataupun jiran tetangga yang kamu kenali dengan rapat.




Sebagaimana yang kita sentiasa beriahi di rumah, kamu telahpun menghafal nombor talipon ibu, alamat rumah kita dan cara untuk menghubungi nenek, pakcik and makcik sekiranya kamu tidak dapat menghubungi saya. Pihak sekolah kamu juga akan membantu kamu untuk memastikan yang kamu selamat.



Ahmad, sebagaimana yang ibu nyatakan, kita boleh mengikuti pegawai-pegawai ini. Mereka akan memberitahu kita cara untuk menyelamatkan diri daripada ribut ini!



Ton ditolak oleh orang dewasa dan jatuh



Kamu patut sentiasa melindungi kanak-kanak, terutama sekali jika mereka tercedera! Disebabkan oleh saiz mereka yang kecil, ini tidak bermakna yang mereka kurang penting. Bahkan, kanak-kanak lelaki dan perempuan berhak untuk mendapatkan perhatian yang khas. Ia adalah tanggungjawab kita sebagai orang dewasa untuk memastikan yang mereka diberi perhatian.



Saya mohon maaf, tuan. Anak, adakah anda okey?



Doktor, sila jaga kanak-kanak ini.



Saya seorang doktor. Sila lihat emblem ini. Itulah cara untuk kamu mengenali kami. Mari masuk ke dalam sekolah bersama saya. Ia adalah tempat yang selamat dan saya akan periksa lutut anda.



Itu dia. Anda sudah sembuh!

Terima kasih!



Apakah yang telah terjadi?

Ahmad terjatuh dan lututnya tercedera. Tetapi, doktor telah membantu kami!



Ribut telah berlaku dan kami akan mengadakan perhimpunan di sekolah. Sila berjalan dengan perlahan dan selamat.



Kami bersyukur semua orang berada didalam keadaan yang selamat. Namun begitu, terdapat kerosakan pada bangunan-bangunan di kejiranan ini.

Adakah sekolah akan terus dibuka untuk semua program selepas waktu sekolah?



Soalan yang baik, Linda. Walaupun sekolah akan dibuka, tetapi ia akan kurang beberapa jam untuk beberapa minggu. Sebahagian program tidak dapat diadakan oleh kerana kerosakan. Oleh itu, kami telah menyediakan ruang yang mesra kanak-kanak. Ia adalah tempat khas untuk kanak-kanak.

Kenapakah ia cuma untuk kanak-kanak sahaja?



Ini kerana didalam situasi yang sebegini, kanak-kanak boleh tercedera ketika kerja-kerja pembersihan akibat ribut sedang dijalankan. Juga, terdapat sebahagian daripada mereka yang mungkin akan cuba untuk mencederakan kamu sekiranya kamu tidak berada di tempat yang selamat. Adalah penting untuk mendapatkan tempat dimana kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan boleh bermain, belajar kemahiran yang baru dan meluahkan perasaan dan pendapat mereka kepada guru-guru khas.




Kita bernasib baik kerana berada di tempat yang sama dan selamat. Ibu berasa bangga yang kamu mematuhi arahan dengan baik, mempunyai rancangan dan berbincang dengan orang yang kamu percaya.



Saya gembira kerana kesemuanya telah pulih! Saya juga telah banyak belajar mengenai cara untuk berada didalam keadaan yang selamat sekiranya berlaku bencana.



Saya berasa gembira kerana walaupun kawasan kejiranan kita masih sedang dibersihkan, kita berupaya untuk pergi ke tempat yang mesra kanak-kanak. Saya akan memberitahu guru bagaimana perasaan saya pada hari ini. Ia juga adalah hari yang sesuai untuk bermain dengan kawan-kawan.





**Berikut adalah nasihat-nasihat utama yang perlu diingat mengenai cara untuk melindungi kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan apabila berlakunya bencana. Sila pelajari nasihat-nasihat utama ini. Ia boleh membawa kepada perubahan yang sangat baik untuk anda dan keluarga anda.**

### **Nasihat Utama**

- Semua kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan perlu dilindungi
- Sila beri keutamaan kepada perlindungan kanak-kanak didalam persediaan bencana dan respon
- Sila pastikan yang orang dewasa dan kanak-kanak memahami cara untuk melindungi kanak-kanak dan boleh mendapatkan akses bantuan didalam perlindungan tersebut
- Sila ambil langkah-langkah yang praktikal sebagaimana yang biasa diamalkan untuk melindungi kanak-kanak

### **International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies**

IFRC Country Cluster Support Team, Ocean Tower I, 5th floor  
170/11-12 Sukhumvit soi 16, Klong-toey, 10110 Bangkok, Thailand  
Tel: +66 2661 8201 Fax: +66 2 661 9322

Contact person: Mr. Marwan Jilani, Head of Country Cluster Support Team, marwan.jilani@ifrc.org

[www.ifrc.org](http://www.ifrc.org)

**Saving lives, changing minds.**

Made possible with the support of



A Canada-ASEAN  
project. Funded by

**Canada**